



SK PERMATANG TOK MAHAT

BAHASA MELAYU

PEMAHAMAN

TAHUN 5&6

(KERTAS 1- BAHAGIAN A)

Disediakan oleh:

Puan Hasnah bt Ramli

Lihat halaman sebelah

HAGIAN A
[20 Markah]


Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. _____ mestilah berdiri tegak semasa menyanyikan lagu kebangsaan.
A. Kami
B. Kita
C. Mereka
D. Engkau
2. “_____ mahu bersiar – siar di taman bunga.” titah Tuan Puteri Gunung Keriang kepada dayang – dayangnya.
A. Beta
B. Patik
C. Saya
D. Hamba
3. _____ yang cemerlang itu terpilih untuk menyambung pelajaran mereka ke Australia.
A. Budak –budak
B. Kanak – kanak
C. Lelaki –lelaki
D. Pelajar –pelajar
4. Ayam – ayam itu _____ apabila dikejar oleh abang.
A. berselerak
B. berkeliaran
C. berpelesiran
D. bertempiaran
5. Kumpulan pelancong asing itu sedang mendengar taklimat _____ wakil syarikat pelancongan yang mengurus percutian mereka.

Lihat halaman sebelah

- A. dari
 - B. pada
 - C. kepada
 - D. daripada
6. Shamimi dinaikkan pangkat oleh majikannya _____ dia seorang pekerja yang rajin dan gigih.
- A. agar
 - B. kerana
 - C. apabila
 - D. meskipun

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah ini.



7. Harnia sedang memarkingkan keretanya di _____ sebuah kedai buku.
- A. tepi
 - B. bucu
 - C. hadapan
 - D. belakang
8. “Ayah berasa gembira kerana hubungan kamu berdua yang _____ sejak kecil masih kekal hingga sekarang,” kata Tuan Nawzah kepada anaknya Fudhail.
- A. terjalin
 - B. jalinan
 - C. dijalin

Lihat halaman sebelah

- D. menjalin
9. Tanah yang terbiar di hujung kampung itu akan dimajukan tidak lama lagi.
Pilih perkataan sama erti bagi perkataan yang bergaris di atas.
- dibina
 - ditanami
 - diusahakan
 - dibangunkan
10. Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.
Kapak pemotong kayu itu tajam kerana baru sahaja diasah oleh Pak Ali.
- Pak Ali mengasah kapak pemotong kayubaharu itu sehingga tajam.
 - Pak Ali baru sahaja mengasah kapak pemotong kayu yang tajam itu.
 - Pak Ali baru sahaja mengasah kapak pemotong kayu itu sehingga tajam.
 - Pak Ali baru mengasah tajam kapak pemotong kayu itu.

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.



11. Pokok kelapa di belakang rumah itu telah tumbang dan _____ bumbung rumah Pak Cik Jan.
- terkena
 - dikenai
 - mengena
 - mengenai

Lihat halaman sebelah

12. Setelah mendengar hujah pendakwa raya, hakim telah _____ pesalah itu dengan hukuman penjara selama 1 bulan.
- A. Dijatuhi
 - B. Menjatuh
 - C. Menjatuhi
 - D. Menjatuhkan
13. “ Harga _____ rambutan ini cuma RM3.00. Rasalah _____ .” kata penjual itu kepada Salwa.
- A. Setimbang ... seulas
 - B. Sebuah ... sepangsa
 - C. Sebiji ... sebut
 - D. Seikat ... sebiji

*Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.*

14. “ Saya mendapat tawaran ke MRSM kerana kecemerlangan saya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum,” kata Ismail.
- A. Ismail menerangkan bahawa dia memohon ke MRSM kerana kecemerlangannya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
 - B. Ismail menyatakan bahawa dia setuju ke MRSM kerana kecemerlangannya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
 - C. Ismail mendapat tahu bahawa dia mendapat tawaran ke MRSM kerana kecemerlangannya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
 - D. Ismail memberi tahu bahawa dia mendapat tawaran ke MRSM kerana kecemerlangannya dalam bidang kurikulum dan kokurikulum.
15. Sulaiman mengundang jirannya supaya datang ke rumahnya pada hujung minggu ini.
- A. “Jemputlah datang ke rumah saya pada hujung minggu ini,” kata Sulaiman kepada jirannya.
 - B. “Bawalah jiran kamu datang ke rumah saya pada hujung minggu ini,” jemput Sulaiman.
 - C. “Jemputlah jiran kamu datang ke rumah saya pada hujung minggu ini,” kata Sulaiman kepadanya.
 - D. :Jemputlah datang ke rumah jiran saya pada hujung minggu ini,” kata Sulaiman kepadanya.

Lihat halaman sebelah

16. Pilih ayat yang betul.

- A. Yuran yang dikenakan untuk menyertai karnival usahawan cilik itu bukan mahal sangat.
- B. Kebanyakan peserta yang terlibat dalam karnival itu berasal dari Kedah.
- C. Setengah peserta yang terlibat dalam karnival itu ialah murid sekolah.
- D. Sila dapatkan butir – butir terperinci tentang carnival itu di pejabat kami.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan – soalan yang berikut.

JOHOR BAHRU, 5 Julai – Johor telah mencul sebagai johan keseluruhan Pertandingan Pendidikan Lalu Lintas Shell Sekolah – sekolah Peringkat Kebangsaan ke-30 yang berakhir semalam.

Kontijen tuan rumah yang menjuarai kategori sekolah menengah dan naib johan kategori sekolah rendah telah menerima hadiah wang tunai berjumlah RM9000.

Menteri Besar Johor, Datuk Mohamed Khaleed Nordin hadir untuk menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan. Turut hadir ,mengiringi beliau ialah Pengarah Pendidikan Negeri Johor.

Pertandingan yang berlangsung selama empat hari itu disertai seramai 600 orang murid yang mewakili negeri masing – masing. Pengurus besar Shell Malaysia semasa berucap dalam majlis itu berkata, Shell telah menganjurkan pertandingan itu sejak sekian lama sebagai melaksanakan tanggungjawab sosialnya.

Menurut beliau, pertandingan yang diadakan itu, bertujuan untuk menanamkan sifat prihatin dalam diri pemandu atau pejalan kaki terhadap aspek keselamatan semasa di jalan raya.

17. Apakah jenis petikan yang diberi ?

- A. Laporan
- B. Syarahan
- C. Dialog
- D. Berita

Lihat halaman sebelah

18. Negeri yang manakah terpilih sebagai tuan rumah Pertandingan Lalu Lintas Sekolah-sekolah Peringkat Kebangsaan ?
- A. Johor
 - B. Pahang
 - C. Kelantan
 - D. Terangganu
19. Mengapakah Menteri Besar Johor hadir dalam pertandingan itu ?
- A. Untuk menemui peserta pertandingan
 - B. Untuk merasmikan pertandingan itu
 - C. Untuk menyampaikan ucapan
 - D. Untuk menyampaikan hadiah kepada para pemenang
20. Apakah tujuan pertandingan Lalu Lintas Shell itu diadakan ?
- A. Untuk memperkenalkan Shell kepada orang ramai.
 - B. Untuk menanam sikap prihatin dalam diri terhadap aspek keselamatan jalan raya.
 - C. Untuk memberikan sumbangan kepada semua murid sekolah.
 - D. Untuk mengumpul murid – murid dari seluruh negara untuk berkenalan.

KERTAS SOALAN TAMAT

Lihat halaman sebelah